



12 Disember 2012
12 December 2012
P.U. (A) 442

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN
*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN
(LARANGAN PENGGUNAAN JALAN)
(BANDARAYA KUALA LUMPUR)
2012

*ROAD TRANSPORT
(PROHIBITION OF USE OF ROAD)
(CITY OF KUALA LUMPUR) ORDER 2012*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN)
(BANDARAYA KUALA LUMPUR) 2012

BAHAWASANYA melalui P.U. (B) 363 yang disiarkan pada 2 November 2012, notis telah diberikan mengenai niat untuk membuat suatu perintah di bawah subseksyen 70(1) dan (2) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*]:

DAN BAHAWASANYA tiada apa-apa bantahan yang diterima oleh Dato Bandar Kuala Lumpur terhadap pembuatan perintah itu:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 70(1) Akta itu, Dato Bandar Kuala Lumpur, setelah berunding dengan Ketua Pengarah bagi Pengangkutan Jalan, dan setelah memberi pertimbangan kepada perkara yang tersebut dalam subseksyen 70(2) Akta itu, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Larangan Penggunaan Jalan) (Bandaraya Kuala Lumpur) 2012.**
- (2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 17 Disember 2012.

Larangan

2. Pemanduan semua kenderaan kecuali kenderaan sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Pertama, di atas bahagian jalan sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama, sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua, melainkan dari arah yang ditentukan dalam ruang (2) Jadual Pertama, bagi tempoh yang dinyatakan dalam ruang (4) Jadual Pertama dilarang.

JADUAL PERTAMA

(1)	(2)	(3)	(4)
<i>Jalan yang baginya larangan terpakai</i>	<i>Arah yang ditentukan</i>	<i>Pengecualian</i>	<i>Tempoh larangan</i>
Jalan Medan Pasar dari persimpangannya dengan Leboh Pasar Besar hingga ke persimpangannya dengan Leboh Ampang sebagaimana yang ditandakan dalam peta dalam Jadual Kedua	<p>(i) Kenderaan dari Leboh Pasar Besar menghala Leboh Ampang hendaklah menggunakan jalan alternatif sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua</p> <p>(ii) Kenderaan dari Jalan Hang Kasturi menghala ke Leboh Ampang hendaklah menggunakan jalan alternatif sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua</p>	Kenderaan kenderaan polis, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan ambulans	Mulai 17 Disember 2012